

Media : Utusan Malaysia

Date : 01 Jan 2016



KAKITANGAN
Ajinomoto
bersama
kanak-kanak
dari Sekolah
Kebangsaan
Penderas, Kuala
Krau, Pahang,
bergotong-
royong
membersihkan
kawasan sekolah
mereka.

Gotong-royong selamatkan bumi

SELAMA tujuh tahun berturut-turut, Ajinomoto (Malaysia) Berhad menganjurkan kempen gotong-royong yang dinamakan *Clean Up Our Earth Together Day 2015* bagi menjaga dan memastikan kebersihan masyarakat setempat.

Bagi tahun ini, syarikat tersebut telah bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menganjurkan kempen Program Kesihatan Senyum Selalu Bersama Penduduk Penderas 2015.

Program tersebut membabitkan aktiviti gotong-royong di Kampung Penderas, Kuala Krau, Pahang, yang didiami oleh Orang Asli.

Ini merupakan kali pertama aktiviti seperti ini diadakan di luar kawasan Lembah Klang, bagi memupuk pembangunan persekitaran yang lestari serta meningkatkan kesedaran masyarakat untuk mengatasi isu-isu alam sekitar.

Aktiviti ini telah berjaya menarik penglibatan daripada 39 kakitangan Ajinomoto Malaysia, 41 penuntut UPM dan 50 kanak-kanak Orang Asli dari Sekolah Kebangsaan Penderas.

"Go Green merupakan inisiatif membuat kebun sayur-sayuran mini di Sekolah Kebangsaan Penderas sebagai sumber nutrisi kepada penanaman harian pelajar asrama, manakala *Clean*

Up merupakan aktiviti pembersihan seperti memungut dan pengasingan sampah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kitar semula dan kebersihan persekitaran.

"Dalam tempoh dua jam setengah, sebanyak 60 anak benih sayur-sayuran berjaya ditanam dan sebanyak 118.7 kilogram sampah telah dikumpulkan," kata **Keiji Kaneko**, Pengarah Ajinomoto (Malaysia) Berhad.

Beliau turut menyampaikan barang-barang keperluan harian kepada kanak-kanak Orang Asli yang telah mengambil bahagian.

Menurutnya, *Clean Up Our Earth Together Day 2015* merupakan sebahagian daripada kempen *Smile Earth* yang dianjurkan oleh ibu pejabat Ajinomoto di Jepun sejak 2007.

Program itu selaras dengan objektif kempen, iaitu memberi peluang kepada pekerja syarikat tersebut melibatkan diri dalam usaha penyelesaian isu-isu global mengenai alam sekitar, masyarakat dan makanan.

"Kami berharap program sosial dan aktiviti perlindungan alam sekitar dapat dianjurkan dengan lebih banyak supaya tanggungjawab sosial korporat yang progresif kepada masyarakat tetap dilaksanakan secara berterusan pada masa akan datang," katanya.

